

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Sejarah kod 1249/2 mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

- Bahagian A Mengandungi 6 soalan yang diambil daripada Sukatan Pelajaran Tingkatan 5 iaitu Sejarah Malaysia. Bahagian ini bermula dari sejarah awal Asia Tenggara hingga sejarah Malaysia moden. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan daripada Bahagian A
- Bahagian B Mengandungi dua soalan yang diambil daripada Sukatan Pelajaran Tingkatan 4 iaitu Sejarah Peradaban Dunia hingga ke zaman moden. Calon dikehendaki menjawab satu soalan daripada Bahagian B.

Soalan disediakan dalam bentuk ceraihan dan ada soalan penuh tanpa ceraihan. Setiap soalan bagi kertas ini memperuntukkan 25 markah dari jumlah keseluruhan markah iaitu 100. Masa yang diperuntukkan menjawab soalan kertas ini ialah 2 jam. Kertas Sejarah adalah kertas teras yang wajib diambil oleh semua calon Sijil Pelajaran Malaysia.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan, prestasi calon kurang memuaskan. Calon kebanyakannya gagal memahami sebahagian dari kehendak soalan dan menjawab secara umum terutamanya bagi soalan yang berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK). Mutu jawapan calon agak baik bagi soalan nombor 1, 3 dan 7. Ini kerana ketiga-tiga soalan ini merupakan soalan yang popular yang menjadi tumpuan calon kerana soalan ini mudah difahami dan berada pada aras pengetahuan dan kefahaman. Jawapan calon agak sederhana bagi soalan 6 dan 8 kerana kedua-dua soalan ini berkehendakkan calon menyenaraikan fakta dengan tepat. Calon juga perlu kemahiran berfikir untuk memilih fakta yang sesuai. Manakala jawapan calon agak lemah bagi soalan 2, 4 dan 5 kerana soalan ini memerlukan jawapan yang terkandung di dalamnya ruang masa yang panjang dan kemahiran berfikir yang tinggi. Secara keseluruhan, jawapan calon tidak seimbang pencapaiannya di antara ceraihan soalan. Contohnya calon dapat menjawab dengan baik soalan 1(b), 3(a), 7(b) tetapi tidak dapat menjawab dengan baik ceraihan soalan 1(a), 3(b), 7(a). Seterusnya kelemahan calon juga sangat ketara dalam soalan 2, 4 dan 8. Calon didapati gagal memahami dan menginterpretasikan kehendak dan tugas soalan. Ini menyebabkan jawapan calon kabur, berulang-ulang dan ada yang terpesong.

PRESTASI CALON MENGIKUT KUMPULAN PENCAPAIAN**Calon Dalam Kumpulan Tertinggi**

Calon dalam kumpulan ini telah mempersembahkan mutu jawapan yang baik dan matang. Ada di kalangan calon berupaya memperolehi markah penuh (25/25) untuk beberapa soalan yang dijawab. Calon dapat memahami dan memenuhi kehendak soalan dengan mengemukakan fakta yang relevan dan tepat sesuai seperti yang ditetapkan oleh peraturan pemarkahan. Ketepatan jawapan baik dan kemas. Jawapan juga padat dan tidak meleret-leret. Jawapan calon juga mengandungi fakta yang tersusun. Calon juga menggunakan perenggan yang baik. Penyampaian dan susunan isi terancang dan sistematik. Gaya bahasa kemas dan lancar. Walau bagaimanapun, soalan 2, 4, 6, 7(b) dan 8(b) dijawab secara sederhana baik.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Secara keseluruhan calon dalam kumpulan ini mampu memahami sebahagian daripada kehendak soalan dengan baik dan tepat. Seterusnya calon juga dapat mengemukakan jawapan yang bersesuaian dengan peraturan pemarkahan. Ada di kalangan calon dalam kumpulan ini mampu mengemukakan fakta yang baik tetapi tidak diikuti dengan contoh yang sesuai dan huraian yang panjang serta tidak relevan. Ketepatan jawapan masih baik tetapi susunannya tidak kemas. Gaya bahasa calon masih baik dan mudah difahami. Ada di kalangan calon dalam kumpulan ini tidak menggunakan perenggan dalam jawapan. Jawapan soalan 2, 4, dan 6 sangat sederhana. Penyampaian jawapan sebahagiannya masih baik walaupun pencapaian keseluruhannya sederhana. Susunan jawapan calon antara cerai (a) dan (b) terutamanya soalan 1 dan 3 ada yang bercampur-aduk.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan ini tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Mutu jawapan calon tidak memuaskan. Calon gagal memahami kehendak dan tugas soalan yang menyebabkan jawapan terpesong atau terkeluar daripada kehendak Peraturan Pemarkahan. Jawapan calon sangat umum dan tidak mengandungi fakta yang dikehendaki. Terdapat juga calon dari kumpulan ini yang tidak menjawab langsung, sekadar menyalin soalan sahaja. Penguasaan dan gaya bahasa calon adalah lemah. Antara kelemahan lain yang dikenal pasti terdapat pada calon dalam kumpulan ini adalah seperti mengulas soalan tanpa menjawab tugas soalan, mengulangi fakta yang sama dan menjawab satu atau dua soalan sahaja. Ada sebilangan calon dalam kumpulan ini yang tidak menguasai kemahiran asas membaca dan menulis.

PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT SOALAN

Soalan 1(a)

Prestasi calon secara keseluruhan adalah sederhana. Calon yang menjawab soalan ini hanya dapat mengemukakan empat isi jawapan beserta dengan penjelasan dengan baik. Antara isi yang biasa dikemukakan 'hak', 'adil', 'tanggungjawab' dan 'Islam'.

Kekuatan calon pula dapat dilihat dari segi kemampuan mengemukakan isi jawapan lebih daripada lapan isi. Calon juga mencapai markah lebih daripada markah maksimum. Huraian yang diberikan tepat, ringkas dan padat.

Kelemahan calon jelas daripada jawapan yang umum dan tiada kaitan. Calon hanya memberikan satu isi sahaja iaitu 'hak' dengan huraian yang panjang lebar.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon hanya merujuk kepada amalan budaya Melayu pada zaman Kerajaan Melaka seperti hormat-menghormati, pantang-larang dan adab sopan. Ada calon yang menulis isi jawapan cerai (b) dalam cerai (a).

Kehendak soalan ialah menyenarai dan menghuraikan peranan peraturan dan undang-undang dalam masyarakat Melayu. Calon dikehendaki mengemukakan sekurang-kurangnya lapan isi mengenai kepentingan peraturan dan undang-undang tersebut.

Soalan 1(b)

Calon telah menunjukkan prestasi yang baik untuk ceraihan ini. Calon dapat mengemukakan lebih daripada lima isi melebihi daripada yang diperlukan untuk mendapat markah maksimum.

Kekuatan calon pula ialah dengan menguasai banyak fakta beserta huraian yang lengkap mengenai Hukum Kanun Melaka.

Kelemahan calon ialah tidak mengetahui dan memahami fakta yang tepat mengenai Hukum Kanun Melaka

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon mencampuradukkan Hukum Kanun Melaka dengan Undang-undang Laut Melaka. Ada yang keliru nama Sultan yang memperkenalkan dan yang melengkapkan Hukum Kanun Melaka.

Kehendak soalan ialah menghuraikan kandungan Hukum Kanun Melaka yang telah ditulis pada zaman Sultan Muzaffar Syah. Calon dikehendaki menyenaraikan sekurang-kurangnya lima isi untuk mendapatkan markah penuh.

Soalan 2

Prestasi calon yang menjawab soalan ini agak lemah. Calon gagal mengemukakan jawapan yang baik kerana kehendak soalan yang memerlukan jawapan yang luas.

Dari segi kekuatan calon pula, terdapat calon-calon yang berkemampuan mengemukakan enam isi jawapan yang tepat dengan huraian yang sesuai. Huraian tersebut berkaitan dengan isi 'KMS', 'PAM', 'Perak', 'Pahang', 'KMM', dan 'PENA'.

Kelemahan calon pula ialah mengemukakan jawapan yang sangat umum dan tidak menguasai fakta sejarah yang berkaitan dengan tajuk ini.

Kesilapan yang seringkali ditemui terdapat ramai calon yang menyentuh tentang parti politik yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua seperti UMNO, PAS dan MCA.

Calon dikehendaki menjelaskan perkembangan pertubuhan awal orang Melayu selepas Perang Dunia Pertama sehingga 1930-an. Calon sepatutnya menghuraikan tiga belas daripada dua puluh satu pertubuhan awal orang Melayu yang telah dikenalpasti.

Soalan 3(a)

Prestasi calon agak baik. Ini kerana hampir semua isi berkaitan dengan faktor pemodal Eropah berjaya mengambil alih perusahaan perlombongan bijih timah daripada penguasa Cina dapat dikemukakan dengan lengkap.

Kekuatan calon ialah dapat mengemukakan isi dengan huraian yang sesuai terutamanya penerangan mengenai kelebihan dan kekuatan syarikat Eropah yang menguasai perlombongan bijih timah.

Kelemahan calon ialah terdapat jawapan calon yang hanya menumpukan kepada kelemahan syarikat dan pengusaha Cina sahaja.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon hanya menyentuh tentang pergaduhan kongsi gelap Cina tanpa menerangkan pengharaman kongsi gelap tersebut yang menyebabkan terjejasnya perusahaan orang Cina. Selain daripada itu calon juga mengemukakan fakta syarikat Eropah membayar upah yang lebih tinggi kepada buruh Cina. Terdapat juga calon menghuraikan perkara yang tidak berkaitan contohnya menghantar balik buruh Cina ke negara asal mereka.

Soalan berkehendakkan calon mengemukakan sebab-sebab pemodal-pemodal Eropah berjaya mengambil alih perusahaan perlombongan bijih timah daripada pelombong Cina. Calon dikehendaki mengemukakan lapan isi daripada tiga belas isi yang disediakan dalam peraturan pemarkahan.

Soalan 3(b)

Prestasi calon adalah sederhana kerana calon mampu menjelaskan secara umum berdasarkan pengetahuan sedia ada.

Kekuatan calon dapat dilihat berdasarkan huraian isi mengenai 'tradisi', 'rendah', 'galak' dan 'tumpu' dengan baik.

Kelemahan yang sering ditemui ialah jawapan yang umum dan isi tidak dijelaskan dengan tepat.

Kesilapan yang dilakukan ialah calon tidak dapat membuat kesimpulan bahawa penjajah Inggeris yang menyebabkan perusahaan perkilangan tidak dapat berkembang. Terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang tidak berkaitan seperti kekurangan bahan mentah dan penduduk tempatan yang tidak berminat.

Soalan ini menghendaki calon menggunakan pengetahuan sejarah yang sedia ada untuk menjelaskan mengapa perusahaan perkilangan tidak berkembang di Tanah Melayu sebelum tahun 1900. Calon dikehendaki menyenaraikan lima daripada sebelas isi yang disediakan dalam peraturan pemarkahan.

Soalan 4(a)

Prestasi calon adalah lemah kerana calon tidak mengetahui mengenai Perlembagaan Johor.

Kekuatan calon ialah berjaya mendapat markah penuh kerana mampu menerangkan mengenai lima isi iaitu 'tulisi', 'pertama', 'iktiraf', 'Islam' dan 'kukuh'.

Kelemahan calon ialah gagal mengemukakan isi yang tepat.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon menghuraikan mengenai pembaharuan pemerintah Johor. Calon juga memuatkan isi yang tidak berkaitan seperti sebab-sebab Johor tidak dijajah oleh Inggeris.

Soalan menghendaki calon menjelaskan mengenai Perlembagaan Negeri Johor. Calon dikehendaki menyenaraikan lima daripada sebelas isi yang disediakan dalam peraturan pemarkahan.

Soalan 4(b)

Prestasi calon lemah kerana calon tidak mampu memahami kehendak soalan yang sangat luas iaitu bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga ke zaman pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Kekuatan calon ialah hanya dapat memberikan isi dan huraian yang mencukupi mengenai 'Raja', 'mutlak', 'bantu', dan 'kelompok'.

Kelemahan calon ialah kekurangan isi dan hanya bertumpu mengenai Kesultanan Melaka dan Negeri-negeri Selat.

Calon-calon membuat kesilapan dengan menerangkan peranan dan pembesar Melayu zaman tradisional dengan huraian yang panjang lebar.

Soalan memerlukan calon menghuraikan bentuk perubahan pentadbiran negara kita dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga zaman penjajahan Inggeris. Calon dikehendaki menghuraikan lapan daripada tiga puluh empat isi yang disediakan dalam peraturan pemarkahan.

Soalan 5(a)

Prestasi calon adalah lemah kerana calon gagal menjelaskan masalah yang timbul di sekolah Melayu.

Kekuatan calon ialah mampu menyenaraikan lima isi beserta huraian dengan baik seperti 'fizikal', 'sukatan', 'BBM', 'terhad' dan 'kekal'.

Kelemahan calon ialah hanya mampu mengemukakan dua isi sahaja iaitu 'fizikal' dan 'BBM'.

Kesilapan yang seringkali dilakukan oleh calon ialah menyalahkan faktor Bahasa Inggeris di sekolah Melayu dan dikaitkan dengan ketiadaan guru, pendidikan orang Cina dan India, menerangkan kelebihan sekolah Inggeris dan orang Melayu bertumpu kepada sekolah pondok.

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan masalah-masalah yang timbul di sekolah Melayu dalam sistem pendidikan pada zaman penjajah. Calon dikehendaki menyenaraikan lapan daripada dua belas isi yang disediakan dalam peraturan pemarkahan.

Soalan 5(b)

Prestasi calon adalah lemah kerana gagal menghayati sumbangan pendidikan kepada negara.

Kekuatan calon ialah dapat dilihat melalui lima isi beserta huraian yang lengkap iaitu 'mahir', 'taraf', 'tingkat', 'teknologi' dan 'perpaduan'.

Kelemahan calon ialah kerana membuat huraian secara umum dan jawapan yang tidak ada isi.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon menghuraikan mengenai sistem pendidikan di sekolah, mengaitkan perkembangan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dengan

perkembangan ekonomi dan menerangkan mengenai usaha kerajaan meningkatkan mutu prasarana sistem pendidikan.

Soalan menghendaki calon menghuraikan sumbangan yang dapat diberikan oleh pendidikan untuk pembangunan Malaysia. Calon sepatutnya menyenaraikan lima daripada sepuluh isi yang disediakan dalam peraturan pemarkahan.

Soalan 6(a)

Prestasi calon adalah sederhana kerana keterbatasan calon mengemukakan isi yang terhad.

Kekuatan calon ialah mempunyai pengetahuan mengenai peranan Bank Dunia. Sebahagiannya dapat mengemukakan isi dengan tepat beserta dengan contoh terutamanya mengenai isi 'bantu', 'beri', 'modal', 'hapus', dan 'teknikal'.

Kelemahan calon pula ialah mengemukakan jawapan yang umum, kabur dan berulang-ulang pada satu atau dua isi sahaja.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah menyamakan peranan Bank Dunia dengan bank perdagangan. Selain itu Bank Dunia dikaitkan dengan mangsa bencana alam serta peperangan.

Soalan menghendaki calon menjelaskan sumbangan Bank Dunia kepada negara-negara sedang membangun. Calon perlu menyediakan sekurang-kurangnya lapan daripada sepuluh isi yang disediakan dalam peraturan pemarkahan.

Soalan 6(b)

Prestasi calon adalah memuaskan. Jawapan calon banyak berkisar kepada isi 'apartheid', 'desak', 'cadang', 'Palestin', dan 'dadah'.

Kekuatan calon ialah dapat menghuraikan isu-isu yang dikehendaki. Calon juga dapat membezakan antara isu-isu dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sumbangannya.

Kelemahan calon ialah mencampuradukkan peranan dan sumbangan Malaysia dalam Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti isu alam sekitar.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah mengaitkan Malaysia dengan Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Menyentuh mengenai kritikan Malaysia secara umum terhadap pentadbiran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan peranan Malaysia dalam pertubuhan tersebut. Ada juga calon yang menghuraikan mengenai salah laku kuasa-kuasa besar dunia.

Calon dikehendaki menjelaskan isu-isu yang telah dikemukakan oleh Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Calon diminta menyenaraikan sekurang-kurangnya lima daripada sembilan isu.

Soalan 7(a)

Prestasi calon adalah baik. Calon dapat menjelaskan sumbangan Khalifah Harun al-Rashid dan Khalifah al-Makmum kepada kerajaan Bani Abbasiyyah.

Kekuatan calon ialah mahir mengenai fakta tentang Kerajaan Abbasiyyah.

Kelemahan calon ialah kekurangan isi dengan huraian tidak tepat seperti penterjemahan buku dari bahasa Yunani ke bahasa Arab dan tumpuan yang lebih kepada tokoh-tokoh ilmuan.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah mengaitkan Kerajaan Abbasiyyah dengan perluasan kuasa. Menerangkan peranan khalifah secara umum dan ada yang tidak berkaitan contohnya Khalifah al-Rasyidin dan Bani Umaiyah.

Soalan berkehendakkan calon-calon menjelaskan betapa pentingnya pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid dan Khalifah al-Makmum kepada Kerajaan Bani Abbasiyyah. Calon dikehendaki mengemukakan lima daripada lapan isi yang disediakan dalam peraturan pemarkahan.

Soalan 7(b)

Prestasi calon adalah baik kerana ramai calon dapat memahami soalan dan menguasai isi-isi jawapan yang tepat mengenai Kerajaan Turki Uthmaniyyah.

Kekuatan calon ialah dapat memberikan isi-isi yang padat, banyak, dan lebih daripada yang diperlukan.

Kelemahan calon ialah mengaitkan zaman tersebut dengan zaman Khalifah Al-Rasyidin iaitu tentang penghapusan nabi palsu dan perang ke atas orang yang enggan membayar zakat.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon tidak dapat mengaitkan isi hubungan baik pemerintah Islam dengan penduduk beragama Kristian. Calon juga terlalu banyak menghuraikan tentang sumbangan tokoh dalam bidang ilmu pengetahuan.

Soalan menghendaki calon memberi sebab-sebab Kerajaan Turki Uthmanjyyah dikenali sebagai sebuah kerajaan Islam yang gemilang. Calon perlu menyediakan lapan sebab yang membawa kepada kegemilangan kerajaan tersebut.

Soalan 8(a)

Prestasi calon adalah sederhana. Calon mampu menjelaskan sebahagian daripada isi-isi mengapa Benua Asia menjadi sasaran kuasa penjajah barat.

Kekuatan calon ialah dapat memberikan jawapan yang tepat untuk bahagian ini dengan huraian yang jelas, terutama isi seperti 'kaya', 'sebar', 'strategik', 'tenaga' dan 'pasaran'.

Kelemahan calon ialah memberi tumpuan sebab-sebab penjajahan barat di samping huraian yang umum dan tidak berkaitan. Calon memberi ulasan mengenai tema 'kaya' dan 'bahan mentah' sahaja.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon mengaitkan jawapan dengan pembukaan Terusan Suez dan pengenalan kapal wap. Soalan ini berkehendakkan calon menjelaskan kelebihan yang ada di Benua Asia sehingga menarik minat penjajah barat. Calon dikehendaki menyenaraikan enam daripada tiga belas kelebihan Benua Asia.

Soalan 8(b)

Prestasi calon adalah lemah. Calon keliru dengan '*pre-amble*' yang disertakan dalam soalan ini.

Kekuatan calon hanya dapat dilihat kepada dua atau tiga isi sahaja yang dikemukakan dengan baik, contoh seperti isi 'belanja', 'kira' dan 'kesan'.

Kelemahan calon ialah jawapannya sangat umum dan mengulangi isi yang tidak jelas. Calon hanya menghuraikan '*pre-amble*' dengan panjang lebar.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon tidak dapat mengaitkan kemiskinan dengan kesulitan pinjaman bank. Ada yang menerangkan mengenai masalah perpaduan yang tiada kaitan dengan soalan.

Soalan berkehendakkan calon memberi maklumat mengenai '*pre-amble*' yang disediakan untuk mengatasi masalah-masalah sosioekonomi penduduk Asia Tenggara. Calon perlu menyenaraikan tujuh daripada sepuluh langkah mengatasi masalah tersebut.

SARANAN KEPADA CALON

1. Semua calon dinasihatkan supaya mempelajari Sejarah secara bersungguh-sungguh dengan memberi tumpuan kepada semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini di bilik darjah.
2. Belajarlah mata pelajaran Sejarah secara keseluruhan meliputi kurikulum di tingkatan 4 dan 5 serta kuasailah keseluruhan teks sekurang-kurangnya secara umum. Dengan ini calon akan mengetahui ruang lingkup pelajaran dan tajuk dalam mata pelajaran ini.
3. Seterusnya calon bolehlah meneliti dan mengutamakan tajuk tertentu secara khusus supaya semua calon menguasai fakta penting dalam tajuk tersebut.
4. Elakkan daripada pergantungan kepada soalan ramalan dengan cara bersedia dengan lebih awal dan memperbanyakkan membuat latihan menjawab soalan kertas ujian Sejarah yang lepas. Biasakan diri menjawab soalan Sejarah secara ringkas, tepat dan padat. Latihan menjawab soalan yang menjurus kepada Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) hendaklah diperbanyakkan.
5. Semua calon hendaklah membina pelbagai soalan yang relevan dengan sesuatu tajuk dan mengenalpasti fakta yang berkaitan dengan sesuatu soalan. Semua calon mestilah ingat fakta sesuatu peristiwa yang berlaku sangat penting dalam mata pelajaran Sejarah.
6. Perbanyakkan perbincangan sesama rakan dan buat latihan serta semak semula jawapan yang tepat. Ini cara yang sangat berkesan untuk menguasai mata pelajaran Sejarah.

7. Semua calon dikehendaki meneliti dan memahami semua soalan sebelum memilih soalan yang hendak dijawab. Senaraikan isi ringkas yang terlintas sebelum menjawab soalan. Uruskan masa dengan sebaik-baiknya ketika menjawab dengan pengagihan sama rata untuk setiap soalan.
8. Jangan menganggap mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran yang tidak penting. Anda hendak bersikap positif terhadap mata pelajaran sejarah. Mata pelajaran sejarah sangat penting dalam membina keperibadian diri, bangsa dan negara. Tanpa sejarah kita tidak dapat mengenali diri, bangsa dan negara kita sendiri.

SARANAN KEPADA GURU

1. Semua guru Sejarah hendaklah menghabiskan semua bab dalam sukatan pelajaran Tingkatan 4 dan 5. Jangan memilih atau meninggalkan bab tertentu.
2. Perbanyakkan latihan menjawab soalan yang berteraskan kepada format soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Baiki kelemahan calon dan pertingkatkan prestasi mereka dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik.
3. Teknik pengajaran dan cara penyampaian yang berkesan hendaklah diusahakan oleh guru Sejarah supaya mata pelajaran ini tidak membosankan. Panitia Sejarah hendaklah lebih proaktif meyakinkan pihak sekolah agar dapat menyediakan pelbagai kemudahan Bahan Bantu Mengajar supaya prestasi pencapaian terus meningkat.
4. Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik terutamanya dari segi menyelesaikan Sukatan Pelajaran secepat mungkin supaya aktiviti ulangkaji dan latih tubi yang berkesan dan bersasaran dapat dilaksanakan.
5. Guru Sejarah hendaklah ingat bahawa Sejarah ialah mata pelajaran teras dan sangat penting menjadi landasan membentuk dan membina patriotisma serta jati diri kepada calon. Guru mestilah mengolah dan menyuntik tafsiran peristiwa dalam sejarah kepada calon supaya mereka sedar betapa beruntungnya menjadi rakyat Malaysia.